

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat dan menghuraikan gaya kepimpinan pengetua Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini juga ditumpukan kepada hubungan gaya kepimpinan pengetua dengan iklim dan ketaatan kakitangan kepada organisasi. Sebahagian besar komponen kajian berdasarkan kepada pendekatan model tingkahlakau Universiti Ohio State. Gaya kepimpinan pengetua dinilai berasas kepada soal selidik SBDQ (Supervisory Behavior Description Questionnaire), sementara iklim organisasi berasaskan kepada soal selidik WES (Work Environment Scale) dan soal selidik ketaatan berasaskan soal selidik OCQ (Organizational Commitment Questionnaire). 93 pensyarah dan staf sokongan dipilih sebagai sample kajian. Data-data primer dan sekunder diperolehi melalui kaedah tinjauan dengan soal selidik, perpustakaan, pemerhatian dan temuduga. Kajian SBDQ menggunakan 20 item soalan yang menumpukan dimensi gaya pertimbangan (Consideration), dan gaya pendayautamaan struktur (initiating) penekanan kepada pengeluaran (production emphasis) dan sensitiviti sosial (social sensitivity). Kajian WES menumpukan kepada 3 dimensi iklim seperti perhubungan, pertumbuhan peribadi dan dimensi penyelenggaran sistem dan perubahannya. Manakala OCQ mengukur sejauhmana tahap kesetiaan dalam sumbangaan usaha mencapai matlamat organisasi. Dapatan kajian menunjukkan gaya kepimpinan yang lebih didominasikan oleh Pengetua ialah, gaya pendayautamaan struktur dari gaya pertimbangan. Walaubagaimana pun gaya pertimbangan mempunyai hubungan yang positif untuk menyokong kepimpinan yang diamalkan pengetua. Terdapat hubungan antara gaya kepimpinan pengetua dengan iklim organisasi. Gaya pertimbangan dengan item iklim organisasi terdapat hubungan positif dengan penglibatan, kejelasan dan sokongan, sangat sederhana positif orientasi tugas dan sangat sederhana positif dengan tekanan. Untuk gaya pertimbangan dengan iklim terdapat hubungan sederhana positif dengan inovasi, sokongan dan tekanan, sederhana positif dengan penglibatan dan orientasi tugas. Ketaatan pensyarah dan staf sokongan didapati lebih positif dengan gaya pendayautamaan struktur, walaubagaimana pun gaya pertimbangan dengan ketaatan terdapat hubungan yang rapat dengan gaya pendayautamaan struktur dalam mewujudkan iklim organisasi yang kondusif.